

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Perakaunan

[Pekeliling MQA Bil. 2/2024 bertarikh 13 Mei 2024]

Ringkasan ketetapan

- i. Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama telah dibangunkan oleh MQA dan penggunaan telah berkuat kuasa pada 13 Februari 2014.
- ii. MQA telah mengkaji semula Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama berasaskan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, disemak serta ditambah baik oleh panel pakar dalam kalangan ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa di peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Kajian semula standard program dibuat berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).
- iv. Perbandingan penyusunan kandungan antara Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama dan Edisi Kedua adalah seperti berikut:

Standard Program: Perakaunan Edisi Pertama	Standard Program: Perakaunan Edisi Kedua
1. Introduction	1. Introduction
2. Programme Aims	2. Programme Development and Delivery 2.1 Programme Educational Objectives 2.2 Programme Learning Outcomes 2.3 Curriculum Design and Delivery
3. Learning Outcomes	3. Assessment of Student's Learning
4. Curriculum Design and Delivery	4. Student Selection
5. Assessment of Student Learning	5. Academic Staff
6. Student Selection	6. Educational Resources
7. Academic Staff	7. Programme Management
8. Educational Resources	8. Programme Monitoring, Review and Continual Quality Improvement
9. Programme Monitoring and Review	
10. Leadership, Governance and Administration	
11. Continual Quality Improvement	

- v. Dokumen Standard Program: Perakaunan Edisi Kedua telah berkuat kuasa pada 1 Jun 2024 yang boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul SWAAKREDITASI.

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) atau PTJ lain yang menawarkan program major-minor dalam bidang perakaunan perlu merujuk kepada standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	1 Jun 2024 sehingga 31 Mei 2025	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program. Nota: i. Kohort pelajar yang diambil selepas transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu dalam standard program. ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar. iii. Dokumen Standard Program: Perakaunan akan ditambah baik jika ada keperluan pindaan dengan justifikasi bersesuaian daripada pihak berkepentingan.	Selepas 31 Mei 2025 adalah kemasukan Sesi 2025/2026. Kemasukan sebelum 31 Mei 2025 iaitu Sesi 2024/2025 dan sebelumnya boleh menggunakan kurikulum sedia.
2.	15 November 2024	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.	Pengambilan pelajar bagi kemasukan mulai Semester Pertama 2024/2025 perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
3.	15 November 2024	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.	Cadangan penawaran program baharu bermula 15 November 2024 perlu mematuhi standard program terkini.

Disediakan oleh:
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
 Universiti Putra Malaysia
 7 Oktober 2024